UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

MAKLUMAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN APRIL 2018

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	004-2018/001	02.04.2018	Harian Metro	Info MBIP	Halang 'hantu' sampah
2.	004-2018/002	04.04.2018	Sinar Harian	Info PBT	Tutup laluan lori hantu
3.	004-2018/003	10.4.2018	Utusan Malaysia	Info PBT	Marathon IPNM di Kota Iskandar 14 April
4.	004-2018/004	22.04.2018	Sinar Harian	Info PBT	Coir lestari khazanah alam
5.	004-2018/005	23.04.2018	Utusan Malaysia	Info PBT	Kuat kuasa hari tiada plastik mula tahun depan
6.	004-2018/006	23.04.2018	Berita Harian	Info PBT	Johor haram polisterina, plastik 2019
7.	004-2018/007	23.04.2018	Sinar Harian	Info PBT	Kompaun bermula Januari 2019
8.	004-2018/008	29.04.2018	Utusan Malaysia	Info MBIP	Jason 'selesa' satu lawan satu
9.	004-2018/009	30.04.2018	Sinar Harian	Info PBT	Saran PBT seragam deposit kain rentang, poster calon

RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN APRIL 2018:

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MBIP	3
INFO PBT	6
JUMLAH	**9**

No. Daftar : 004-2018/001
Tarikh : 02.04.2018 (Isnin)
Jenis Akhbar : Harian Metro
Jenis Artikel : Info MBIP
Tajuk Artikel : Halang 'hantu' sampah

Halang 'hantu' sampah

Ernalisa Othman
news@nstp.com.my

MBIP tutup laluan alternatif lori buang sisa haram ke Kampung Laut Skudai

Johor Bahru

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) bertindak menutup laluan alternatif lori hantu yang melalui kawasan Kampung Laut Skudai, dekat sini, selepas didapati melakukan kerja pembuangan sampah haram di kawasan berkenaan.

Langkah itu dijalankan dengan kerjasama syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) semalam.

Ahli MBIP R Suhetsan Rasamanikam berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu didakwa memberi kesan kepada pencemaran di Sungai Skudai.

"Hari ini kami menjalankan Operasi Khas Tindak

AKTIVITI pembakaran sampah haram secara terbuka di kawasan rizab Kampung Laut Skudai.

FAKTA
Pembuangan sampah haram beri kesan pencemaran di Sungai Skudai

Cepat dengan menutup laluan haram supaya tiada mana-mana lori atau kenderaan masuk ke kawasan itu lagi.

"Langkah drastik itu kami ambil supaya alam sekitar tidak tercemar," katanya pada sidang media selepas operasi pencerobohan tanah rizab dan pelupusan sampah di Skudai, di sini, semalam.

Katanya, pada Khamis lalu pihaknya menerima aduan orang awam mengenai pembakaran sampah terbuka di Kampung Laut Skudai sebelum siasatan mendapati masalah itu berlarutan sejak lebih setahun dan lokasi terletak 50 meter dari Sungai Skudai.

"Kawasan rizab seluas 0.8 hektar. Mereka bukan bakar satu tempat, sebaliknya kami mengesan lebih empat kawasan dibakar," katanya.

No. Daftar : 004-2018/002
Tarikh : 04.04.2018 (Selasa)
Jenis Akhbar : Sinar Harian
Jenis Artikel : Info MBIP
Tajuk Artikel : Tutup laluan lori hantu

Tutup laluan lori hantu

Buang sampah secara haram, berdekatan sungai

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) mengambil tindakan menutup laluan alternatif lori hantu yang melalui kawasan Kampung Laut Skudai, di sini, kelmarin.

Tindakan tersebut dilakukan kerana kehadiran lori hantu terbabit dipercayai melakukan kerja-kerja pembuangan sampah haram di kawasan berkenaan.

Ahli Majlis MBIP Zon Taman Sri Puteri, R Suthesan berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu akan memberi kesan kepada pencemaran di sekitar sungai Skudai.

"Kita dengan kerjasama PDRM buat satu Operasi Khas Tindak Cepat dengan menutup laluan haram bagi tidak membolehkan mana-mana lori atau kenderaan masuk di kawasan ini lagi.

"Langkah drastik ini kita kena ambil supaya alam sekitar di bandar raya ini tidak tercemar. Jika kita terus diamkan masalah ini saya bimbang dia juga akan memberi kesan kesihatan pula kepada penduduk sekitar," katanya ketika ditemui di operasi pencerobohan tanah rizab dan pelupusan sampah, kelmarin.

Suthesan berkata, pada Khamis lalu, pihaknya menerima aduan daripada orang awam menyatakan berlaku pembakaran sampah terbuka di Kampung Laut Skudai.

Katanya, hasil siasatan mendapati masalah yang dialami lebih setahun lalu di kawasan itu berlaku tidak kurang 50 meter dari kawasan sungai Skudai.

"Kalau kita tengok kawasan rizab di sini kira-kira dua ekar. Mereka bukan bakar satu tempat. Tapi dalam satu kawasan ini lebih empat tempat dia buat aktiviti pembakaran.

"Jadi ini sudah tentu sangat bahaya pada alam sekitar sekiranya mereka melakukan pembakaran secara serentak," katanya.

Beliau berkata, operasi khas itu merupakan usaha untuk basmi pusat pelupusan sampah haram sebagai agenda utama untuk wujudkan persekitaran bersih khususnya di kawasan sungai.

"Untuk itu, selain mengambil pendekatan menutup laluan lori hantu ini, MBIP kini sedang mengesan individu mahupun syarikat yang tidak bertanggungjawab melakukan perkara itu.

"Buat sementara ini, kerja-kerja pembersihan akan dilakukan pihak berwajib selain pemantauan berterusan akan dilakukan di kawasan itu," katanya.

Lokasi sampah haram di kawasan Kampung Laut Skudai.

info

- Kawasan pembakaran kira-kira 50 meter dari sungai Skudai

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	004-2018/003
Tarikh	:	10.04.2018 (Selasa)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Marathon IPNM di Kota Iskandar 14 April



ABDUL MALIK ISMAIL (belakang, enam dari kiri) bersama para penaja dalam majlis memperkenalkan penaja Intan Jauhar Iskandar Night Marathon 2018 di Hotel Amerin Johor Bahru, baru-baru ini. – UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

Marathon IPNM di Kota Iskandar 14 April

JOHOR BAHRU 9 April – Seramai 6,350 peserta dari dalam dan luar negara dijangka menyertai Intan Jauhar Iskandar Night Marathon (IPNM) 2018 yang akan berlangsung di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Iskandar Puteri pada 14 April ini.

Setiausaha Sekretarirat IPNM 2018, Johari Abd. Razak berkata, daripada jumlah tersebut, 6,106 adalah peserta dari negara ini manakala baki 244 dari luar negara antaranya Brunei, Singapura, Indonesia, Australia, Switzerland, Jepun, Itali, Kenya, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, IPNM buat tahun kedua penganjurannya itu merupakan acara sukan pelancongan antarabangsa tahunan negeri dan dibuka pendaftaran penyertaannya secara atas talian berakhir pada 31 Januari lalu.

"Acara ini menawarkan empat kategori utama terbuka lelaki dan perempuan iaitu 52 kilometer (KM) Full Marathon, 21KM Half Marathon, 10KM Competative Run dan 5KM Fun Run.

"Ia bakal menawarkan hadiah wang tunai dan trofi bernilai RM97,000 untuk 10 pemenang utama di samping peluang membawa pulang pelbagai hadiah cabutan bertuah bernilai hampir RM100,000," katanya dalam sesi memperkenalkan penaja di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir adalah Pengarah Tourism Johor, Abdul Malik Ismail.

Maraton tersebut dianjurkan Intan Jauhar Sdn. Bhd. dengan kerjasama kerajaan negeri dan disokong Tourism Johor, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Sukan Negeri Johor dan Persatuan Olahraga Johor.

Johari yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Intan Jauhar Sdn. Bhd. berkata, berkonsepkan Larian Muafakat, acara berkenaan yang diinspirasikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bertujuan mempromosikan Iskandar Malaysia dan negeri ini terutama dalam sukan maraton di peringkat dunia.

Katanya, bagi menarik penyertaan dalam kalangan rakyat, hadiah berupaya wang tunai keseluruhannya bernilai RM27,000 akan diberikan kepada peserta tempatan terbaik dari setiap kategori.

Menurut beliau, peserta yang mengambil bahagian juga berpeluang membawa pulang cabutan bertuah utama berupa sebuah kereta Perodua Bezza 1.0 Standard G.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	004-2018/004
Tarikh	:	22.04.2018 (Ahad)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Coir lestari khazanah alam

Ayub (tengah) menanam pokok selepas merasmikan program Coir, semalam.

Coir lestari khazanah alam

SEGAMAT – Kerajaan negeri akan terus berusaha memelihara sungai bagi melestarikan khazanah alam sebagai sumber utama air mentah negeri.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, antara pendekatan diambil adalah dengan menubuhkan program Community In River (Coir) di seluruh daerah pada tahun lalu.

"Sebelum ini juga saya pengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penyelesaian Sungai Johor dan pendekatan ini juga menjadi titik-tolak jaya Dekad Baharu Johor.

"Sebagai langkah awal, PBT wajar menubuhkan unit sungai di kawasan masing-masing bagi memantau secara khusus sungai-sungai dalam kawasan pentadbiran mereka selain Coir," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapann sewaktu perasmian Program Coir Daerah Segamat 2018 anjuran Majlis Belia Daerah Segamat (MBDS) di hadapan Hotel Neo Pegasus di Jalan Genuang, semalam.

Menurutnya, PBT seharusnya mengambil semangat Titik Sentuhan Bajet Negeri Johor 2018 dengan menubuhkan unit sungai di kawasan masing-masing sepertimana diarahkan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Menurutnya, pendekatan proaktif sepertimana dilaksana Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) yang mengambil inisiatif awal menubuhkan unit sungai dan merancang pelaksanaan bagi pemantauan sungai-sungai di bawah pentadbirannya wajar dijadikan contoh.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	004-2018/005
Tarikh	:	23.04.2018 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Kuat kuasa hari tiada beg plastik mula tahun depan

Kuat kuasa hari tiada beg plastik mula tahun depan

MUAR 22 April – Kerajaan negeri akan mula menguatkuasakan undang-undang dan peraturan berkaitan penggunaan bahan pembungkusan boleh urai atau biodegradasi mulai Januari tahun depan bagi menggantikan plastik dan polistirena.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, kerajaan negeri sudah mula melaksanakan perkara itu mulai awal tahun ini, namun pelaksanaannya sejak 1 Januari lalu lebih terhadap usaha memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat sebelum peraturan itu dikuatkuasakan sepenuhnya.

"Mulai 1 Januari tahun depan, kita akan melaksanakan peraturan itu yang mungkin akan diletakkan di bawah undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kompaun tidak melebihi RM1,000.

"Agenda ini juga berada di bawah Dasar Kelestarian Johor yang menyaksikan komitmen kerajaan negeri bagi mengatasi penggunaan pembungkusan yang boleh menyumbang terhadap pencemaran dan ancaman," katanya selepas merasmikan Program Penanaman Pokok sempena Hari Bumi, di sini hari ini.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**004-2018/006**
Tarikh	:	**23.04.2018 (Isnin)**
Jenis Akhbar	:	**Berita Harian**
Jenis Artikel	:	**Info PBT**
Tajuk Artikel	:	**Johor haram polisterina, plastik 2019**

Johor haram polisterina, plastik 2019

Muar: Kerajaan Johor akan menguatkuasakan pengharaman penggunaan plastik konvensional dan polisterina mulai 1 Januari 2019.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata bermula 1 Januari lalu, pihak kerajaan negeri memutuskan pelaksanaan pengharaman bahan terbabit tetapi dalam bentuk kempen kesedaran dan perubahan sikap rakyat selama setahun.

Bagaimanapun, mulai 1 Januari 2019, kerajaan negeri akan membuat penguatkuasaan penuh peraturan dan undang-undang.

"Kita akan menggunakan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) di mana PBT boleh mengenakan denda, kompaun dan tindakan lain. Biasanya denda yang boleh dikenakan tidak melebihi RM1,000.

"Sekarang (tahun ini) kita nak beri kesedaran dahulu kepada masyarakat. Kita nak kantin, gerai atau pihak yang terbabit dalam pembungkusan makanan ini menukar daripada menggunakan plastik konvensional kepada plastik biodegradasi.

Kesedaran makin meningkat

"Ini kerana kita nak selamatkan bumi ini. Ada lebih 80 tan plastik di laut, sungai, daratan. Plastik terbabit tidak boleh terurai masa singkat kerana ada ambil masa 150 hingga 200 tahun. Plastik biodegradasi kita dapat pendekkan hayat dia iaitu lapan hingga 18 tahun untuk terurai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Penanaman Pokok Sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Johor 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Maharani di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh dan Pegawai Daerah Muar, On Jabbar.

Ayub berkata, sejak kempen ini dilaksanakan pada awal tahun lalu, pihaknya mendapati kesedaran masyarakat mengenainya semakin meningkat apabila semakin ramai mula menggunakan plastik biodegradasi yang lebih mesra alam sekitar.

"Kita tengok ada gerai di tepi jalan dan di pasar malam sudah menggunakan plastik biodegradasi ini. Jadi ini adalah satu petanda yang positif dalam usaha kita menjaga kelestarian alam sekitar," katanya.

Kita akan menggunakan undang-undang kecil PBT di mana PBT boleh mengenakan denda, kompaun dan tindakan lain"

Ayub Rahmat,
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Johor

No. Daftar	:	004-2018/007
Tarikh	:	23.04.2018 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Kompaun bermula Januari 2019

Kompaun bermula Januari 2019

Peniaga wajib guna beg plastik mesra alam selepas ini

NUR ALINA HASSAN

MUAR

Kompaun akan dikenakan kepada peniaga dan penjaja di Johor yang masih menggunakan plastik konvensional dan bekas polistirena mulai 1 Januari 2019.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, penguatkuasaan itu turut melibatkan kompaun di bawah undang-undang kecil yang akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Bermula 1 Januari 2019, kita akan mulakan pelaksanaan penuh dengan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang.

"Dan kita mulakan peraturan undang-undang kecil di mana PBT juga boleh mengkompaun denda. Biasanya denda tak lebih daripada RM1,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penanaman Pokok sempena Hari Bumi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Maharani, semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Alam Sekitar Johor, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh dan Pegawai Daerah, On Jabbar.

Ayub berkata, penggunaan beg plastik mesra alam di bawah dasar kelestarian Johor itu dikuatkuasakan sebagai usaha menjaga alam sekitar berikutan tempoh hayat beg plastik itu adalah lebih singkat.

Ayub (dua, kanan) dan On (tengah) meninjau pameran pada Program Penanaman Pokok sempena Hari Bumi, semalam.

"Ini merupakan sebahagian usaha kita nak selamatkan bumi. Jika dilihat, sebanyak 50 hingga 80 tan plastik yang ditemui di sungai dan laut di mana keadaan itu berisiko menyumbang kepada pencemaran laut.

"Pencemaran itu menjadi semakin merosot gara-gara tempoh hayat plastik yang tidak boleh terurai dalam tempoh singkat kerana pelupusan itu mengambil masa lebih ratusan tahun. Namun, berbeza pula dengan plastik biodegradasi yang mana kita dah mampu memendekkan hayatnya.

"Bayangkan daripada 100 ke 200 tahun kini boleh terurai hanya lapan hingga 15 tahun. Maka kalau bahan buangan ini termasuk ke dalam laut, jadi selama tempoh itu, ia akan terurai sendiri," katanya.

info Kompaun akan dikenakan tidak melebihi RM1,000.

Ayub berkata, penggunaan beg plastik biodegradasi pada masa akan datang juga berupaya mengurangkan kandungan sampah di tapak pelupusan dan menjimatkan kos.

Katanya, sejak diperkenalkan awal tahun ini, tahap kesedaran orang ramai untuk mengaplikasikan beg plastik biodegradasi semakin positif.

"Saya puas hati kerana peniaga kedai makan dan pasar malam kini mula menggunakan beg plastik tersebut yang mana kita percaya usaha PBT memperluaskan hebahan ini mendapat perhatian," katanya.

No. Daftar : 004-2018/008
Tarikh : 29.04.2018 (Ahad)
Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Jenis Artikel : Info MBIP
Tajuk Artikel : Jason `selesa` satu lawan satu

Jason 'selesa' satu lawan satu

Oleh AZIZI MAJID
pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 28 APRIL**

CALON Barisan Nasional (BN) kerusi Parlimen Iskandar Puteri (sebelum ini Gelang Patah), Datuk Jason Teoh Sew Hock tidak gentar dengan pertembungan satu lawan satu menentang penyandang kerusi berkenaan, Lim Kit Siang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Ketua Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam MCA merangkap Pengerusi MCA Bahagian Gelang Patah yang mesra dipanggil 'Jason' itu berkata, meskipun pertama kali dicalonkan, tidak timbul soal bimbang untuk menentang pemimpin veteran DAP.

"Saya rasa *comfortable* (selesa) *one to one* (satu lawan satu). Saya sudah bekerja selama 23 tahun, sudah tiba masanya saya serah kepada pengundi (untuk membuat keputusan," katanya selepas proses penamaan calon di Dewan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) Skudai di sini hari ini.

JASON TEOH SEW HOCK (kanan) bersalaman dengan Lim Kit Siang dalam penamaan calon di Dewan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai, Johor Bahru, semalam.– MINGGUAN/AZIZI MAJID

Nama calon yang bertanding di kerusi Parlimen Iskandar Puteri itu diumumkan oleh Pengurus Pilihan Raya Parlimen Iskandar Puteri, Adib Azhari Daud pukul 11.40 pagi.

Jason berkata, pengundi perlu memberi sokongan kepadanya untuk berkhidmat dan membela nasib penduduk di Parlimen berkenaan.

"Bukan timbulnya isu bimbang atau tidak (menentang Kit Siang). Bagi saya paling penting adalah *you* (wakil rakyat) buat kerja atau tidak," katanya.

Sementara itu, kerusi DUN Kota Iskandar (sebelum ini Nusajaya) menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara Ketua UMNO Bahagian Gelang Patah, Mohammad Khairi A. Malik mewakili BN menentang calon PKR, Dzulkefly Ahmad dan Salehuddin Mohd. Dahiran (Pas).

Kerusi DUN Skudai pula melibatkan pertembungan dua penjuru antara Ketua MIC Gelang Patah, Datuk S. Kanan dengan calon PKR, Tan Hong Ping selepas calon Bebas, K. Kanafatty menarik diri.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	004-2018/009
Tarikh	:	30.04.2018 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Saran PBT seragam deposit kain rentang,poster calon

Saran PBT seragam deposit kain rentang, poster calon

JOHOR BAHRU - Pas Johor meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini menyeragamkan kadar wang deposit pemasangan kain rentang dan poster calon yang bertanding dalam PRU.

Ketua Penerangan Pas Johor, Shamsudin Jaafar berkata, ia berikutan kadar yang dikenakan adalah berbeza di setiap lokasi pada PRU14 kali ini.

"Ada sesetengah PBT mengenakan sehingga RM5,000 bagi pemasangan poster dan kain rentang contohnya seperti di Pontian.

"Bagi kami jumlah itu sangat pelik sedangkan beberapa PBT lain kadarnya lebih rendah termasuk di Muar yang menetapkan kadar RM250 saja," katanya pada sidang media di Pejabat Pas negeri, di sini, semalam.

SAMSUDIN

Shamsudin berkata, PBT sepatutnya mengeluarkan garis panduan atau maklumat rasmi tentang wang deposit untuk pemasangan kain rentang dan poster kepada parti-parti yang mahu bertanding.

"Jadi, kita minta perkara ini dapat diperbaiki pada masa yang akan datang kerana ia membabitkan jumlah yang besar dan setakat ini difahamkan Pontian adalah antara yang mengenakan deposit tertinggi.

"Kalau dahulu RM1,000 dan kadarnya juga masih tinggi," katanya.

Beliau berkata, kadar wang deposit tidak seharusnya mempunyai perbezaan yang ketara walaupun PBT mempunyai kuasa untuk menetapkannya.